

AIA Vitality pupuk gaya hidup sihat

Kuala Lumpur: AIA Bhd, peneraju utama syarikat insurans di Malaysia memperkenalkan program insurans dan kesihatan terbaharu serta yang pertama di Malaysia, AIA Vitality bagi memenuhi keperluan masyarakat yang inginkan gaya hidup lebih sihat dan selamat.

Program insurans berkenaan adalah program pertama seumpamanya dalam industri insurans hayat dan takaful di Malaysia yang dihasilkan menerusi kerjasama antara AIA dan Discovery, penanggung insurans yang berpangkalan di Afrika Selatan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Anusha Thavarajah berkata, pihaknya turut menasaskan menarik 30,000 ahli bagi program insurans dan kesihatan berkenaan menjelang akhir tahun ini berikutan trend permintaannya sentiasa meningkat.

Beliau berkata, program kesejahteraan dan kesihatan itu adalah berteraskan sains akan bertindak sebagai program yang akan menyediakan maklumat, alat dan motivasi kepada peserta dalam menjaga serta meningkatkan kualiti kesihatan mereka.

“Program ini kami bawakan ia dengan kombinasi manfaat kesihatan serta kesejahteraan bersama penyelesaian insurans hayat dan takaful AIA untuk

mendidik orang ramai mengenai kepentingan dalam menjaga kesihatan secara konsisten.

“Malah, ia juga memberikan petuang kepada AIA untuk memainkan peranan lebih aktif untuk memberi motivasi dan memperkasakan rakyat Malaysia dalam segmen penjagaan kesihatan harian dengan lebih baik,” katanya dalam temu bual di sini.

Setakat ini, AIA Vitality sudah terbukti kejayaannya di pasaran negara lain dan berdasarkan kajian dijalankan dalam pasaran sedia ada, pembabitan pelanggan dalam tahun pertama polisi meningkat sehingga 15 kali dan pengekatan polisi juga bertambah kerana komunikasi berterusan antara pelanggan dengan AIA.

Kumpulan AIA secara globalnya beroperasi di 18 pasaran di Asia Pasifik antaranya di Hong Kong, Thailand, Singapura, Malaysia, China, Korea, Filipina, Australia, New Zealand dan Macau.

Kajian Indeks Kehidupan Sihat 2016 AIA yang diumumkan baru-baru ini mengesahkan peranan penting yang boleh dimainkan oleh AIA Vitality dalam membantu individu berada dan kekal

di landasan betul dalam mengikuti gaya hidup lebih sihat.

Dari lebih 700 responden yang ditinjau di Malaysia, hampir 70 peratus

berasaskan bahawa kesihatan mereka tidak sebaik lima tahun lalu. Lebih membimbangkan, 61 peratus orang dewasa di bawah umur 30 tahun bersetuju dengan sentimen berkenaan.

Apa yang menggalakkan ialah rakyat Malaysia tahu bahawa mereka boleh melakukan sesuatu untuk meningkatkan kesihatan mereka dan menunjukkan keinginan yang kuat untuk melakukan lebih

banyak. Ramai yang berkata bahawa mereka mengalu-alukan bimbingan dan motivasi untuk mengekal serta mengukuhkan tingkah laku yang sihat.

Peranan utama program insurans AIA Vitality adalah untuk mendidik dan mengubah sikap masyarakat dengan melalui gaya hidup sihat tanpa perlu bersusah payah pada masa hadapan.

AIA Vitality dibangunkan secara inovasi menerusi lima teras utama merangkumi pembabitan pelanggan secara berterusan, inovasi produk, kelebihan pengedaran lebih baik, peluang untuk

menghasilkan persekitaran sihat dan impak positif masyarakat untuk jangka masa panjang.

Mengulas lanjut, Anusha berkata, ketika ini syarikat mempunyai tiga juta pemegang polisi individu dan 1.5 juta ahli korporat syarikat AIA adalah kumpulan organik pelanggan yang akan mendapat manfaat daripada program berkenaan.

Katanya, keahlian AIA Vitality akan dibuka terlebih dahulu kepada mana-mana pelanggan yang membeli polisi insurans hayat atau sijil takaful baharu dengan AIA.

“Bagi pelanggan yang mendaftar untuk AIA Vitality dengan produk utama AIA, A-Life Link dan produk bersamaan takafulnya, A-Life Link-i, mereka bakal menerima perlindungan tambahan percuma sehingga 45 peratus atas kematian dan kehilangan upaya.

“Lebih menarik lagi, pelanggan yang menyertai AIA Vitality berpeluang menikmati perlindungan insurans hayat atau takaful tambahan bagi pelan terpilih, secara percuma,” katanya.





ANUSHA